

Pemuda minta kadar harga air terus diperjuangkan

UM 23 JAN 2007

KUALA LUMPUR 22 Jan. — Pergerakan Pemuda UMNO meminta agar kadar harga air yang berpatutan perlu terus diperjuangkan dalam isu pembelian air mentah antara Malaysia dan Singapura.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, **ini** kerana kadar harga air mentah yang dijual kepada Singapura **sekarang** adalah sangat **rendah** jika **dibandingkan** dengan keadaan semasa.

Jelasnya, perjanjian dan persefahaman berkenaan harga air yang **ada** sekarang **sudah** terlalu **lama** dipakai dan tidak sesuai dengan keadaan sekarang yang sudah **berubah**.

"Pemuda UMNO Johor **amat** sensitif dengan isu harga air dan oleh itu **kita** minta harga berpatutan harus dipejuangkan **kerana** harga yang ditawarkan kepada Singapura," katanya **pada** sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat exco Pemuda di ibu pejabat UMNO di **sini** hari **ini**.

Beliau berkata demikian **bagi** mengulas kenyataan **Perdana** Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa Malaysia tidak akan berkompromi dengan Singapura berhubung harga baru air **mentah** walaupun **ia** menjadi **punca** kegagalan rundingan isu-isu tertangguh antara **kedua-dua** negara.

Tanpa menyatakan kadar harga yang ditawarkan, **Perdana** Menteri berkata, **ia** adalah **rendah** dan berpatutan **tetapi** Singapura tidak setuju dengan cadangan tersebut.

Sejak 1962, Malaysia menjual air mentah kepada republik itu **pada** harga tiga sen set&&1,000 **gelen** (**satu gelen** bersamaan 4.5

Pada masa yang sama, Malaysia membeli semula air **bersih** yang **diproses** oleh Singapura **pada** harga 50 sen segelen.